

## Lampiran Penerangan Produk

### Erection All Risks Insurance

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurance PIDM atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](http://www.chubb.com) atau PIDM (lawati [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Pelanggan sekalian,

Lampiran Penerangan Produk (Lampiran) ini direka untuk memberi anda maklumat utama mengenai polisi Erection All Risks Insurance ini.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran ini dan mendapati ia berguna; **Anda juga patut membacanya.**

#### 1. Apakah Erection All Risks Insurance ?

Polisi ini direka untuk memenuhi keperluan insurans yang ditetapkan ke atas kontraktor di bawah syarat kontrak. Polisi ini menyediakan perlindungan untuk kerugian atau kerosakan pada kerja kontrak dan liabiliti anda kepada pihak ketiga dalam pelaksanaan kerja-kerja kontrak.

Polisi ini boleh sebagai Polisi Insurans Pengguna dan Bukan Pengguna. Polisi Insurans Pengguna bermaksud kontrak insurans yang dimeterai, diubah atau diperbaharui oleh individu sepenuhnya untuk tujuannya sendiri yang tidak berkaitan dengan perdagangan perniagaan atau profesion individu.

#### 2. Ketahui Perlindungan Anda

Anda akan menerima perlindungan berikut:

Polisi ini meliputi:		Polisi ini mengecualikan :
Bahagian I – Kerosakan Material	Kerugian atau kerosakan fizikal secara tiba-tiba dan tidak diduga berlaku (selain yang dikecualikan secara khusus dalam polisi) berkenaan dengan semua risiko yang terlibat dalam pembinaan dan pemasangan jentera, loji dan struktur besi dalam apa jua bentuk semasa tempoh insurans.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perang dan risiko yang berkaitan</li> <li>Sebarang tindakan keganasan</li> <li>Risiko tenaga nuclear dan radioaktif</li> <li>Tindakan sengaja atau kecuaiian sengaja</li> </ul>
Bahagian II – Liabiliti Pihak Ketiga	Liabiliti pihak ketiga yang anda akan bertanggungjawab secara sah untuk membayar sebagai ganti rugi akibat: <ul style="list-style-type: none"> <li>Kecederaan badan yang tidak disengajakan atau penyakit pihak ketiga</li> <li>Kehilangan atau kerosakan harta benda kepunyaan pihak ketiga secara tidak sengaja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemberhentian kerja</li> <li>Haus &amp; Lusuh</li> <li>Kesilapan reka bentuk</li> <li>Kos penggantian, pembaikan atau pembetulan kerosakan bahan dan/atau hasil kerja</li> <li>Kerugian turutan dalam apa jua bentuk</li> </ul>
Tempoh perlindungan ialah tempoh kerja kontrak anda, termasuk liabiliti kecacatan atau tempoh penyelenggaraan kontrak anda dan ujian dan pentauliahan.		
Senarai perlindungan dan pengecualian dalam jadual ini <b>bukan menyeluruh</b> . Sila baca polisi anda untuk senarai penuh terma dan syarat.		

Jika Anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk insurans Anda, Anda boleh:

**Hubungi Kami di:** 603-2058 3000

**Lawati Kami di:** <https://www.chubb.com/my-en/contact-us/product-enquiry.html>

### 3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans ini, jumlah premium yang tepat akan ditentukan berdasarkan pelbagai faktor, termasuk skop dan sifat kerja kontrak anda, jumlah nilai kontrak, lokasi risiko dan tempoh kontrak.

Sila hubungi kami atau perantara perkhidmatan anda untuk mendapatkan sebut harga.

#### **Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:**

Duti setem (jika berkenaan)	RM 10.00
Komisen (jika ada)	Maksimum sehingga 15% daripada jumlah premium
Caj lain yang dikenakan	Cukai perkhidmatan 8%

### 4. Terma Utama Lain

Kewajipan pendedahan anda

#### 1. Kewajipan untuk Polisi Insurans Pengguna

- 1.1 Jika Polisi ini adalah Polisi Insurans Pengguna, maka anda mesti mengambil perhatian yang munasabah:
- (a) untuk tidak membuat salah nyataan kepada kami apabila menjawab sebarang soalan yang kami menanya dalam borang cadangan;
  - (b) apabila memperbaharui Polisi ini, untuk tidak membuat salah nyataan kepada kami dalam menjawab sebarang soalan, atau mengesahkan atau meminda apa-apa perkara yang didedahkan kepada kami sebelum ini berhubung dengan Polisi ini; dan
  - (c) untuk mendedahkan kepada Kami sebarang perkara, selain daripada apa yang Kami minta dalam (a) dan (b) di atas, yang anda tahu relevan keputusan kami sama ada untuk menerima risiko atau tidak serta kadar dan terma yang akan digunakan.

#### 2. Kewajipan untuk Polisi Insurans bukan Pengguna

- 2.1 Jika Polisi ini bukan Polisi Insurans Pengguna, maka anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan kepada kami apa-apa perkara bahawa:
- (a) Anda tahu relevan dengan keputusan kami sama ada untuk menerima risiko atau tidak serta kadar dan terma yang akan digunakan; Atau
  - (b) seseorang yang munasabah dalam keadaan itu dijangka akan mengetahui perkara yang relevant.

#### 3. Akibat Pelanggaran Kewajipan

3.1 Jika ini adalah Polisi Insurans Pengguna, pelanggaran kewajipan anda seperti yang dinyatakan di atas boleh menyebabkan kami membatalkan Polisi dan menolak semua tuntutan, atau terma Polisi diubahsuai, dan/atau jumlah yang perlu dibayar ke atas tuntutan dikurangkan secara berkadar, bergantung pada jenis salah nyata atau ketidakpededahan dan kesan salah nyata atau ketidakpededahan tersebut.

3.2 Jika ini adalah Polisi Insurans bukan Pengguna, pelanggaran kewajipan anda yang dinyatakan di atas boleh menyebabkan kami mengelakkan Polisi dan menolak semua tuntutan.

- o Anda mesti mengambil semua langkah berjaga-jaga biasa dan munasabah untuk keselamatan harta yang tertanggung.
- o Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi/pengesahan/sijil pembaharuan ini. Kegagalan untuk membayar premium dalam tempoh ini, kontrak dibatalkan secara automatik dan kami berhak mendapat premium pro rata untuk tempoh penanggung risiko anda.
- o Terdapat jumlah deduktibel, iaitu jumlah yang perlu anda tanggung sebelum kami menanggung rugi anda.

Nota: Senarai ini bukan menyeluruh. Sila baca polisi anda untuk terma dan syarat penuh polisi ini.

### 5. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Tiada syarat pembatalan di bawah Polisi ini.